

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Untung bersih teras PETRONAS dijangka cecah RM100 bilion

Untung bersih teras PETRONAS dijangka cecah RM100 bilion

Permintaan minyak diunjur naik didorong pembukaan semula ekonomi China

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

PETRONAS dijangka meraih keuntungan bersih teras sebanyak RM100 bilion pada 2022 demikian menurut Maybank Investment Bank (Maybank IB).

Penganalisis Maybank IB, Liaw Thong Jung, berkata bank pelaburan itu menganggarkan harga minyak mentah Brent pada 2023 kekal tidak berubah, iaitu AS\$100 satu tong dengan kecenderungan menaik.

"Secara keseluruhannya, kami menjangkakan PETRONAS mencapai keuntungan bersih teras yang dianggarkan RM100 bilion untuk 2022."

"Kami tidak menolak tinjauan harga minyak lebih tinggi pada tahun kewangan 2023 mengambil kira bekalan pasaran global yang terus sempit."

"Ini disebabkan kekurangan pelaburan berpanjangan sejak 2015 serta disiplin Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum dan sekutu (OPEC+) sebagai swing producer, iaitu pembekal yang mempunyai jumlah kapasiti gantian yang besar, bagi memenu-

hi jangkaan output serta harga," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Sementara itu, beliau berkata, permintaan minyak diunjur meningkat pada 2023, didorong pembukaan semula ekonomi China dan peningkatan perjalanan nerbang seluruh dunia.

"Ketidakseimbangan yang semakin meluas akan membawa scenario harga minyak lebih tinggi," katanya.

PETRONAS merekodkan keuntungan RM77.2 bilion bagi tempoh sembilan bulan 2022, meningkat 119.9 peratus berbanding RM35.1 bilion dalam tempoh sama 2021.

Pendapatannya dalam tempoh itu meningkat 58.3 peratus kepada RM271.3 bilion berbanding RM171.4 bilion berikutan impak harga menggalakkan untuk produk utama sejarah dengan harga penanda aras lebih tinggi.

Jumlah aset kukuh
Dalam tempoh sembilan bulan 2022, aliran tunai daripada aktiviti operasi (CFFO) meningkat kepada RM63.1 bilion.

Jumlah aset PETRONAS ber-

tambah kukuh kepada RM725.6 bilion pada 30 September 2022 berbanding RM635 bilion pada 31 Disember 2021.

Ekuiti pemegang saham meningkat kepada RM386.2 bilion pada 30 September 2022 berbanding RM350.8 bilion pada 31 Disember 2021, terutama disebabkan keuntungan yang dicatatkan dalam tempoh berkenaan.

Pelaburan modal kumpulan RM27.4 bilion, meningkat 34 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Thong Jung berkata, berdasarkan laporan Tinjauan Aktiviti PETRONAS 2023-2025, syarikat minyak dan gas itu dilihat memberikan gambaran lebih positif terhadap industri minyak dan gas.

Beliau berkata, lima segmen iaitu penggerudian, fabrikasi, kapal pesisir pantai (OSV), saluran paip dan operasi penyelenggaraan dijangka menyaksikan peningkatan aktiviti pada 2023.

"Kami melihat Velesto, MMHE, Icon, Wah Seong dan Dialog sebagai penerima manfaat utama dalam bidang aktiviti PETRONAS itu untuk tempoh tiga tahun akan datang," katanya.

Kami tidak menolak tinjauan harga minyak lebih tinggi pada tahun kewangan 2023 mengambil kira bekalan pasaran global yang terus sempit

*Liaw Thong Jung, -
Penganalisis Maybank IB*

